

Universiti Southampton mengalu-alukan kedatangan pelajar asing!

Tentang kami

Universiti Southampton ditubuhkan pada tahun 1862 (asalnya dikenali sebagai Institut Hartley) dan hari ini ia merupakan universiti yang terkemuka di UK, ahli Kumpulan Russell iaitu sebuah kumpulan yang sangat berprestij yang terdiri daripada 20 buah universiti penyelidikan terkemuka di UK, dan ditarafkan sebagai 100 universiti terbaik di dunia (Senarai Kedudukan Universiti Dunia oleh The Times Higher Education Supplement).

Tinggal dan belajar di Southampton merupakan pengalaman yang unik dan mengujakan. Kemudahan kami yang terkini dan canggih disertakan pula persekitarannya yang menyokong mewujudkan rumusan yang mengagumkan untuk kejayaan peribadi dan peluang yang kaya untuk masa depan.

Universiti Southampton adalah sebuah universiti yang benar-benar bersifat pelbagai dan antarabangsa dengan 22,000 orang pelajar, termasuk 1,400 orang pelajar dari Kesatuan Eropah dan 3,400 orang pelajar asing dari lebih 130 buah negara yang berlainan di luar EU.

Lokasi

Universiti ini terletak di lokasi yang sangat menarik di pantai selatan England, lebih kurang sejam dari pusat bandar London dan Lapangan Terbang Heathrow serta amat mudah untuk pergi ke kawasan luar bandar yang terbentang luas. Kami mempunyai lima buah kampus di Southampton dan sebuah di Winchester, yang menempatkan pelajar fakulti sastera kami.

Sehingga kini Southampton kekal sebagai pelabuhan antarabangsa yang penting dan merupakan bandar yang meriah dan rancak. Bandar-bandar pelancongan seperti Winchester, Salisbury dan Bournemouth tidak jauh dari sini, begitu juga dengan New Forest dan Stonehenge yang terkenal serata dunia. Perkhidmatan bas Universiti (*Uni-link*) menyediakan sistem pengangkutan yang boleh dipercayai dan kerap di seluruh Southampton. Ia menghubungkan tempat-tempat penting di dalam Universiti, pusat bandar dan hab pengangkutan utama di bandar ini.

Pelajar sastera kami ditempatkan di kampus kami di Winchester, ibu negara England pada zaman dahulu. Dengan lebih kurang 38,000 orang penduduk, ia dipilih sebagai salah satu tempat terbaik untuk didiami di UK.

Sokongan untuk pelajar asing

Datang ke UK dari luar negara untuk belajar atau mengikuti penyelidikan merupakan komitmen yang sangat besar. Pejabat Antarabangsa dan semua jabatan lain di Universiti bekerjasama untuk membantu pelajar asing menyesuaikan diri mereka dengan persekitaran baru secepat mungkin dan membantu mereka untuk memanfaatkan sepenuhnya masa selama mereka berada di Universiti Southampton.

Penginapan di Halls of Residence kami dijamin untuk pelajar asing (bukan Kesatuan Eropah) sepanjang tempoh pengajian mereka (bergantung pada terma dan syarat). Pejabat Antarabangsa ada menawarkan perkhidmatan ‘Meet and Greet’ dari lapangan terbang Heathrow London pada bulan September setiap tahun dan ‘International Welcome Week’ bagi pelajar-pelajar baru. Kami juga ada menawarkan rundingan percuma dan sulit kepada semua pelajar asing, termasuk rundingan berkaitan visa dan imigresen oleh Pasukan Visa Universiti.

Kemudahan sukan dan seni yang mengagumkan, berserta lebih daripada 200 buah kelab dan persatuan (kelab Athletic Union dan persatuan pelajar seperti Persatuan Pelajar Mexico, Jepun, Malaysia, Parsi dan Eropah) membantu pelajar menikmati kehidupan mereka di sini!

Untuk maklumat lanjut sila layari laman web kami dan hubungi Pejabat Antarabangsa sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan.

Laman web: www.southampton.ac.uk/international

You Tube: <http://www.youtube.com/UoSinternational>

Twitter: <http://twitter.com/UniSotonIntl>

Facebook: <http://www.facebook.com/UosInternationalOffice>